

# Projek tebatan banjir Sungai Belat dilaksanakan

**KUANTAN** – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang akan melaksanakan projek tebatan banjir di Sungai Belat di sini bagi mengurangkan kejadian banjir ekoran kenaikan air sungai tersebut bermula pertengahan tahun ini.

Pengarah JPS negeri, Datuk Ir. Shaharuddin Ibrahim berkata, projek berkenaan

akan dilaksanakan di bawah Projek Lembangan Sungai Kuantan menerusi peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 dengan anggaran kos antara RM300 juta hingga RM500 juta.

“Projek ini akan melibatkan tiga komponen utama iaitu tebatan banjir, menghidupkan sungai dan saluran

mesra alam. Komponen paling besar dan menjadi keutamaan adalah tebatan banjir,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Bengkel Perseediaan Menghadapi Banjir peringkat komuniti Kuantan 2016 di Dewan Seri Mentiga, Perkampungan Sungai Isap

2 di sini semalam.

Hadir sama ialah Koordinator Program Penjagaan Sungai, Pusat Alam Sekitar Global, Dr. K. Kalithasan.

Bengkel selama sehari yang disertai oleh 22 ketua kampung di Kuantan itu bertujuan melengkapkan mereka dengan kemahiran bagi menghadapi banjir.